



CEMERLANG: Norain (tiga kanan) bersama pasukan UMS menggalas tanggungjawab membawa nama UMS, Sabah dan Malaysia di pentas antarabangsa.

UMS cemerlang di WCOPA 2024, bawa pulang 11 pingat

UB 01.08.2024 P.04

KOTA KINABALU: Pasukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya mengharumkan nama Malaysia dengan meraih pelbagai anugerah di Pertandingan World Championships of Performing Arts (WCOPA) 2024 di Los Angeles, baru-baru ini.

Penyertaan pada kejohanan itu antara lain bertujuan memamerkan bakat seni pelajar UMS di peringkat antarabangsa serta meningkatkan imej universiti dan negara.

Pengurus Pasukan UMS, Norain Abd Razak, berkata

penglibatan UMS pada kejohanan itu memberi peluang kepada pelajar mendapatkan pengalaman berharga dalam pertandingan bertaraf dunia.

Katanya, kejayaan itu adalah hasil daripada dedikasi dan kerja keras semua pihak yang terlibat.

“Pasukan UMS telah berlatih dengan gigih selama berbulan-bulan untuk memastikan mereka dapat memberi persembahan terbaik di pentas dunia,” katanya.

Mereka dibimbing Timba-

lan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (AS-TiF) UMS, Dr. Sharip Zainal Sagkif Shek.

Norain berkata pencapaian itu adalah kali pertama selepas tiga tahun mencuba nasib.

“Kejayaan ini bukti bahawa usaha dan kesungguhan yang tidak pernah putus akhirnya membuahkan hasil.

“Ini juga membuka peluang kepada pelajar kita untuk terus mengejar impian mereka dalam bidang seni industri kreatif,” katanya.

Pasukan UMS yang terdiri daripada Vanessa William, Aejaxrelson Rauli, Mohamad Daniel Ahmad, dan Jasmine Arora Anak Seliman berjaya meraih satu pingat emas, dua pingat perak dan satu pingat gangsa menerusi kategori tarian solo.

Selain itu, mereka turut merangkul masing-masing satu pingat emas dan division, perak, gangsa bagi kategori tarian duo, serta tiga pingat gangsa dalam kategori elite trio menerusi genre Jazz, Hip Hop dan Muzikal.